

SOALAN NO: 390

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci data pengangguran di Malaysia mengikut negeri dan kaum serta jantina dari tahun 2008 hingga 2015.

PR-1331-T65984

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik terkini daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dari tahun 2008 hingga tahun 2013, bilangan penganggur di Malaysia mengikut negeri dan jantina adalah seperti di **Jadual 1**. Data bagi tahun 2014, masih dalam semakan dan dijangka akan dikeluarkan pada penghujung bulan Mac 2015. Manakala bagi suku

tahun 2015, data adalah masih belum lengkap dan terlalu awal untuk dijangkakan.

2. Bilangan penganggur dari tahun 2008 hingga 2013 dalam lingkungan tiga ratus lima puluh ribu (350,000) orang hingga empat ratus dua puluh lima ribu (425,000) orang. Merujuk kepada **Jadual 1**, ringkasan bilangan penganggur bagi tahun 2008 hingga 2013 mengikut jantina adalah seperti **Jadual 2** di bawah:

**Jadual 2: Ringkasan bilangan penganggur bagi tahun
2008 – 2013 mengikut jantina**

Tahun	Bilangan Penganggur (orang)	Bilangan Penganggur (lelaki)	Bilangan Penganggur (wanita)
2008	368,500	223,400	145,000
2009	418,000	262,500	155,500
2010	404,400	247,600	156,700
2011	391,400	239,900	151,400
2012	396,300	245,200	150,900
2013	424,600	247,900	176,700

3. Bagi tahun-tahun tersebut (2008 – 2013), negeri yang menunjukkan bilangan penganggur tertinggi adalah negeri Selangor, Sabah, Sarawak dan Johor seperti **Jadual 3** di bawah:

Jadual 3: Bilangan penganggur tertinggi mengikut negeri dan jantina bagi tahun 2008 – 2013

Tahun	Negeri	Bilangan Penganggur	Bilangan Penganggur (lelaki)	Bilangan Penganggur (wanita)
2008	Selangor	67,800	39,700	28,100
	Sabah	63,800	39,000	27,700
	Sarawak	51,300	33,600	17,700
	Perak	33,600	18,600	15,100
2009	Selangor	78,000	51,200	26,800
	Sabah	74,600	50,600	24,000
	Sarawak	46,000	29,000	17,800
	Johor	43,700	27,300	16,400

Tahun	Negeri	Bilangan Penganggur	Bilangan Penganggur (lelaki)	Bilangan Penganggur (wanita)
2010	Selangor	83,200	43,100	40,200
	Sabah	82,100	58,600	23,500
	Sarawak	48,100	28,700	19,400

	Johor	34,700	24,600	10,200
2011	Sabah	86,100	56,900	29,200
	Selangor	65,500	36,800	28,700
	Sarawak	50,200	32,400	17,800
	Johor	37,600	25,300	12,300
2012	Sabah	85,300	56,000	29,300
	Selangor	66,300	41,300	25,000
	Johor	48,200	33,000	15,100
	Sarawak	40,800	25,900	15,000
2013	Sabah	86,000	53,700	32,300
	Selangor	71,500	43,400	28,100
	Johor	45,600	26,800	18,900
	Sarawak	45,500	26,700	18,800

4. Di samping itu, berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dari tahun 2008 hingga 2013, kadar pengangguran di Malaysia tidak menunjukkan banyak perbezaan seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual 4** di bawah:

**Jadual 4: Perangkaan utama tenaga buruh mengikut jantina,
Malaysia bagi tahun 2008 hingga 2013**

Tahun	Kadar Pengangguran (%)		
	Jumlah	Lelaki	Perempuan
2008	3.3	3.2	3.7
2009	3.7	3.6	3.8
2010	3.3	3.1	3.6
2011	3.1	2.9	3.3
2012	3.0	2.9	3.2
2013	3.1	2.9	3.4

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian ini tidak ada maklumat mengenai pengangguran mengikut pecahan kaum.